

31 JUL 2003

Mahathir-Syarikat

KERAJAAN TIDAK MANSUH SYARAT EKUITI BUMIPUTERA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak memansuhkan syarat pegangan ekuiti minimum 30 peratus dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Sebaliknya Dr Mahathir berkata garis panduan baru Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) itu dibuat ekoran sikap Bumiputera yang menjual semula saham yang mereka beli dalam sesuatu syarikat kepada bukan Bumiputera setelah syarikat itu disenaraikan.

"Ini bukan maksud macam itu. Bila syarikat itu ditubuh, maka 30 peratus dijual kepada Bumiputera, Bumiputera membeli saham itu dan terus jual balik kepada orang bukan Bumiputera, dengan itu syarikat tidak ada lagi saham yang dipegang oleh Bumiputera.

"Sekarang Bumiputera kata setelah dia jual balik dan syarikat itu sudah 100 peratus bukan Bumiputera maka dia perlu bagi lagi 30 peratus, tak boleh lah macam itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang antara lain menyebut Kabinet semalam memutuskan syarikat hanya perlu mematuhi syarat pemilikan 30 peratus ekuiti oleh Bumiputera ketika penyenaraian.

Dr Mahathir berkata garis panduan baru itu juga tidak memberi kelonggaran kepada syarat sedia ada.

"Tak longgar, 30 peratus masih 30 peratus," katanya.

Beliau berkata ia kerana syarikat yang berkenaan telah mematuhi syarat itu semasa penyenaraian tetapi Bumiputera yang memegang saham berkenaan bertindak menjualnya.

"Dia dah comply (patuh) dah, dah ikut syarat, dia bagi 30 peratus kepada Bumiputera tapi Bumiputera pi jual balik," katanya.

Mengulas lanjut perkara itu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata selepas penyenaraian, syarikat yang pemegang saham Bumiputeranya telah kurang daripada 30 peratus, tidak boleh meminta saham Bumiputera ditambah bagi memenuhi kuota itu.

"Semua syarikat yang telah mematuhi garis panduan ekuiti Bumiputera semasa penyenaraian, dan selepas itu, mungkin beberapa tahun kemudian, ekuiti Bumiputera tu dah turun di bawah 30 peratus, maka syarikat itu tidak boleh diminta untuk tambah ekuiti Bumiputera menjadi 30 peratus," katanya ketika ditemui pemberita selepas mesyuarat itu.

Oleh itu katanya kerajaan tidak boleh menyalahkan syarikat-syarikat berkenaan apabila pegangan saham Bumiputera berkurangan.

"Anda perlu ingat orang tidak membeli hanya untuk mengekalkan kuota Bumiputera, mereka beli untuk membuat duit (keuntungan)," katanya.

-- BERNAMA

NM RV LAT